



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 9 JANUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FAMA PAHANG BELI 5.5 TAN DURIAN BANTU PEKEBUN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 15	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	LEBIH 80 PESAWAH TERTEKAN, TIGA BULAN TIADA BEKALAN AIR, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11	LAIN – LAIN
3.	TANAM SAYUR SENDIRI UNTUK GENERASI MASA DEPAN, FORUM, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 26	
4.	ANAK POKOK BROMELIAD BERNILAI RM1.3 JUTA DIRAMPAS, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 12	
5.	HASIL LAUT PANGKOR JADI REBUTAN PARA PELANCONG, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	
6.	SELANGOR RANCANG PINDAH LADANG BABI KE BUKIT TAGAR, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 21	
7.	SELANGOR BENARKAN LADANG BABI HANYA DI TANJONG SEPAT, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 19	
8.	PRICE OF DURIAN KOPI REMAINS FIRM AMID SEASONAL GLUT, VIEWS, THE STAR, M/S – 12	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

FAMA Pahang beli 5.5 tan durian bantu pekebun

Kuantan: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang dalam proses membeli lebih 5.5 tan durian keluaran Jerantut bagi membantu mengurangkan lebihan hasil dan kejatuhan harga lebih serius hingga merugikan pekebun.

Pengarahnya, Rashiha Mamat, berkata pihaknya memutuskan untuk membeli durian dari kebun dengan harga RM3 sekilogram, belian dengan peraih, termasuk pusat pengumpulan antara RM3 hingga RM4.50 mengikut saiz dan jenis.

Beliau berkata, pihaknya sedia membeli 'raja buah' dengan lebih banyak sepanjang musim kali ini sekiranya pekebun sedia menjual dengan harga ditetapkan dan tawaran belian oleh FAMA adalah pilihan kedua buat pekebun bagi memastikan mereka tidak berhadapan kerugian.

Katanya, pegawai FAMA sudah mengadakan pertemuan dengan beberapa pekebun durian di Jerantut bagi mendapatkan maklumat berhubung pengeluaran buah musim ini, pasaran dan harga semasa dan hasil pertemuan itu, beberapa tindakan awal akan dilakukan termasuk membeli buah bagi membantu pekebun.

"Kita turut menawarkan per-

khidmatan memproses pes tempoyak di Pusat Memproses Makanan (PMM) milik FAMA di Jerantut bagi mengelak berlaku lambakan buah rosak kerana durian tidak boleh disimpan terlalu lama.

"FAMA mempelawa pekebun di Jerantut dan Raub serta beberapa daerah lain di negeri ini yang memerlukan khidmat pemasaran supaya dapat terus berhubung dengan pejabat FAMA daerah dan negeri," katanya, di sini semalam.

Rashiha berkata, pihaknya akan membantu memproses 1.5 tan durian, manakala 1.8 tan dihantar ke Terengganu dan 2.2 tan disediakan untuk jualan Program Jualan Agro Madani Buah Bermusim dan Durian di Pasar Tani Putrajaya, Selangor.

Beliau berkata, pihaknya turut menawarkan ruang niaga milik FAMA seperti Pasar Tani dan Pasar Tani Kekal, termasuk melalui Jualan Agro Madani di lokasi tertentu seluruh negeri.

"Saya difahamkan harga durian kampung termasuk Musang King, IOI, Duri Hitam, D24 dan Udang Merah jatuh, apa yang berlaku tidak disangka oleh golongan pekebun, peraih dan penjual termasuk penggemar raja buah itu," katanya.



Rashiha Mamat



Pekebun di Jerantut dan Raub serta beberapa daerah lain di Pahang yang perlu khidmat pemasaran dipelawa berhubung dengan pejabat FAMA.
(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Lebih 80 pesawah tertekan, tiga bulan tiada bekalan air

Oleh OTHMAN YAHAYA
utusannews@mediamula.com.my

YAN: Lebih 80 pesawah di kawasan Sungai Lentang, di sini menghadapi musim mencabar apabila hampir 60 hektar sawah terjejas akibat ketiadaan bekalan air sejak tiga bulan lalu.

Kedaaan itu menyebabkan tanaman padi mungkin kurang menjadi, sekali gus bakal menjejaskan pendapatan mereka yang hanya bergantung hidup sebagai pesawah.

Low Hock Lai, 50, berkata, proses pendebungaan pokok padi yang ditanam di lebih 20 hektar sawah miliknya kini mengalami masalah kerana tiada air.

"Hampir keseluruhan pe-

tak sawah saya kering kontang hingga menyebabkan tanahnya merekah dan ini mengganggu proses pokok padi berbunga.

"Kekurangan air pastinya akan menyebabkan buah padi tidak dapat membesar dengan sempurna termasuk berisiko untuk mati," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Seorang lagi pesawah, Mohamad Syafiq Zulkifli, 26, berkata, ketiadaan bekalan air di kawasan mereka bermula awal Oktober lalu ketika proses menabur anak benih dilaksanakan.

"Pada musim sebelum ini, kami tiada masalah apabila air yang dibekalkan melalui Sungai Batu 18 mencukupi. Namun apabila ketiadaan hujan kali ini,

Hampir keseluruhan petak sawah saya kering kontang hingga menyebabkan tanahnya merekah dan ini mengganggu proses pokok padi berbunga."

LOW HOCK LAI

sungai itu tidak dapat mengalirkan air sehingga menjadikan saluran yang menjadi punca air untuk disalurkan ke sawah kami kering kontang," katanya.

Bagi Abdul Hadi Fadzil, 42, tanaman padi seluas kira-kira empat hektar yang diusahakan selama ini mengalami masalah terbantut dan berisiko mati kerana kekurangan air.

"Kemarau berterusan yang bermula sejak November lalu menjadikan tali air kering yang pastinya akan merencatkan

proses berbunga dan seterusnya menjadikan buah padi rosak dan tidak berisi.

"Musim padi kali ini merupakan yang terburuk dan bagi mengelak menanggung kerugian lebih besar, saya terpaksa membeli pam untuk menyedut air dari tali air berhampiran.

"Hendak tabur baja pun terganggu kerana tiada air di dalam petak dan paling merisaukan keadaan ini sudah pasti membantutkan padi berbuah," katanya.



ABDUL Hadi Fadzil bersama Muhamad Syafiq Zulkifli menunjukkan tali air yang kering sehingga menjejaskan tanaman padi mereka di Kampung Sungai Lentang, Yan, Kedah semalam. - UTUSAN/OTHMAN YAHAYA

Tanam sayur sendiri untuk generasi masa depan

PERSATUAN Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP) telah menganjurkan program "Tanam Sayur Anda Sendiri untuk Generasi Masa Depan", satu inisiatif tahun baharu yang bertujuan mempromosikan pertanian bandar yang lestari, kesedaran alam sekitar, dan pemerikasaan komuniti.

CAP telah lama memperjuangkan pertanian bandar sebagai pendekatan transformatif untuk mengurangkan kos sara hidup, meningkatkan akses kepada makanan segar dan berkhasiat, serta mengukuhkan hubungan dalam komuniti.

Inisiatif ini menggalakkan keluarga, guru, dan pelajar menanam sayur-sayuran, herba, dan tanaman boleh dimakan, walaupun di ruang yang terhad, dengan kaedah yang kreatif dan lestari. Bekas-bekas seperti botol, kotak susu dan tin boleh digunakan semula untuk menanam tumbuhan seperti bendi, terung, cili, sayuran berdaun, pudina, pegaga dan selom, yang akan menyediakan sumber makanan segar dan bebas bahan kimia untuk keluarga.

Program ini juga menekankan peranan penting sekolah dan guru dalam memupuk pendidikan alam sekitar. Melalui aktiviti berkebun dan pembelajaran secara langsung, pelajar memperoleh pengetahuan praktikal tentang pertumbuhan tanaman, pertanian lestari dan kitaran semula jadi, sambil membangunkan kesedaran awal tentang perubahan iklim dan impak aktiviti manusia terhadap alam sekitar.

Dengan menjadikan kawasan sekolah, tanah tidak digunakan, atau ruang rumah yang kecil sebagai persekitaran pembelajaran hijau, CAP percaya kanak-kanak dapat menanam rasa ingin tahu, tanggungjawab, dan sikap menjaga planet ini.

Selain mempromosikan kehidupan lestari, inisiatif ini turut menangani cabaran

semasa yang dihadapi oleh petani tempatan, termasuk kenaikan kos input, cuaca yang tidak menentu, banjir dan kekurangan tenaga kerja, yang telah menjejaskan pengeluaran dan harga makanan.

Dengan menanam sayur-sayuran di rumah, pengguna dapat mengurangkan kesan cabaran ini sambil menjimatkan perbelanjaan runcit dan memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang sumber makanan dan amalan lestari.

Bagi tahun 2026, CAP menyeru semua rakyat Malaysia untuk mengambil satu azam tahun baharu yang mudah tetapi berkuasa, iaitu menanam benih untuk masa depan. Menanam sayur-sayuran dan herba sendiri bukan sahaja merupakan langkah praktikal untuk mendapatkan makanan segar dan sihat, tetapi juga merupakan pelaburan dalam kemandirian, daya tahan, serta kesejahteraan komuniti dan alam sekitar. Dengan mengambil tindakan kecil tetapi bermakna ini, keluarga bukan sahaja dapat menghasilkan makanan berkhasiat, malah menanam nilai tanggungjawab, kepedulian terhadap bumi dan gaya hidup yang penuh kesedaran.

Biarlah tahun baharu ini menjadi peringatan bahawa setiap benih yang ditanam adalah langkah menuju Malaysia yang lebih hijau, sihat dan lestari. CAP berharap rakyat Malaysia akan menghayati azam ini dengan sepenuh hati, menjadikan setiap ruang sebagai taman pertumbuhan dan peluang, serta menginspirasi generasi akan datang untuk bangga menjaga keluarga mereka dan dunia yang mereka warisi.

N. V. SUBBAROW

Pegawai Pendidikan Kanan Persatuan
Pengguna-Pengguna Pulau Pinang



DENGAN menanam sayur-sayuran di rumah, pengguna dapat mengurangkan kesan cabaran ini sambil menjimatkan perbelanjaan runcit dan memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang sumber makanan dan amalan lestari.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2026	HARIAN METRO	LOKAL	12

Kota Bahru: Polis menumpaskan kegiatan penyeludupan anak pokok bunga dari Thailand selepas menahan dua lelaki berusia 17 dan 49 tahun di dalam sebuah lori Isuzu di Lebuhraya Jeli-Grik pada Isnin lepas.

Ketua Polis Daerah Jeli Superintendan Kamarulzaman Harun berkata pemandu dan kelindan ditahan sepasukan anggota dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jeli setelah lori berkenaan dipandu dalam keadaan mencurigakan.

Beliau berkata hasil pemeriksaan menemukan 156 kotak mengandungi 7,900 anak pokok bunga nanas atau bromeliad dipercayai diseludup masuk menerusi laluan tidak sah di sempadan Malaysia-Thailand.

"Semua anak pokok bunga hiasan itu dipercayai untuk pasaran tempatan di negeri ini dan nilai keseluruhan rampasan termasuk lori dianggarkan berjumlah RM1.395 juta," katanya.

Kamarulzaman berkata

Anak pokok bromeliad bernilai RM1.3 juta dirampas

"Semua anak pokok bunga hiasan itu dipercayai untuk pasaran tempatan di negeri ini dan nilai keseluruhan rampasan termasuk lori dianggarkan berjumlah RM1.395 juta"

Kamarulzaman

kedua-dua suspek dibawa ke IPD Jeli untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 6 Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167).

"Suspek bersama semua rampasan diserahkan kepada Jabatan Pertanian Kelantan untuk tindakan selanjutnya," katanya.



POLIS membuat pemeriksaan dan merampas 156 kotak mengandungi anak pokok bunga dalam sebuah lori di Jalan Jeli-Gerik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

Hasil laut Pangkor jadi rebutan para pelancong

LUMUT: Hasil laut dari Pulau Pangkor terutama ikan bilis mata biru menjadi pilihan pelancong untuk dibawa pulang selepas bercuti semasa musim cuti sekolah di Lumut dan Pulau Pangkor.

Seorang peniaga hasil laut di pekan Lumut, Norfateen Nabeela Mohd Razali, 34, berkata, jualan hasil laut di kedainya di sini meningkat susulan kedatangan pelancong semasa musim cuti sekolah ini.

Menurutnya, ikan bilis mata biru paling laris selain pelbagai jenis hasil laut lain seperti keropok, sotong dan ikan masin hasil tangkapan nelayan dari Pulau Pangkor.

"Saya bersyukur kerana jualan hasil laut meningkat berikutan kehadiran pelancong yang ramai semasa musim cuti sekolah ketika ini.

"Ramai yang membeli ikan bilis mata biru untuk dibawa pulang. Harga bilis mata biru pelbagai ada antara RM45 hingga RM50 bagi 500 gram, mengikut gred dan kualiti.

"Ramai pelancong tempa-



Saya bersyukur kerana jualan hasil laut meningkat berikutan kehadiran pelancong."

tan dan asing beli. Malah ada peniaga minta hantar dengan pos setiap bulan untuk mereka jual. Biasanya ikan bilis mata biru dibuat goreng atau sambal ikan bilis untuk nasi lemak," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Norfateen Nabeela berkata, dia mula menjual hasil laut di sebuah kedai papan di sini pada 2020 dengan modal sebanyak RM3,000 dan kini sudah mempunyai bangunan.

Jelas anak jati kampung Tersusun Pundut, Lumut itu, usahanya memajukan perniagaan warisan keluarga itu tidak sia-sia kerana produk hasil laut khususnya ikan bilis mata biru mendapat sambutan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	21

Selangor rancang pindah ladang babi ke Bukit Tagar

SHAH ALAM - Industri ternakan babi di Selangor akan dipindahkan ke kawasan berpusat moden di Bukit Tagar, Hulu Selangor yang dijangka mula beroperasi pada 2030.

Exco Infrastruktur dan Pertanian, Datuk Ir Izham Hashim berkata, pemindahan itu dilakukan sebagai langkah jangka panjang menangani isu pencemaran dan menjaga keharmonian masyarakat di kawasan penternakan di Kampung Ladang Tumbuk Tanjung Sepat, Kuala Langat.

Menurut beliau, kawasan seluas kira-kira 200 hektar itu dikenal pasti kerana lokasinya yang jauh dari penempatan penduduk.

"Projek ini akan menggunakan sistem penternakan tertutup bagi mengawal penularan penyakit, selain sifar pelepasan menerusi teknologi kitar semula sisa kumbahan kepada biogas dan elektrik.

"Zon penampungan turut diwujudkan bagi memastikan jarak selamat antara ladang dan kawasan awam," katanya pada sidang akhbar di sini pada Khamis.

Bagaimanapun Izham berkata, sementara menunggu projek Bukit Tagar disiapkan, kerajaan negeri membenarkan penternak sedia ada beroperasi di lokasi semasa tertakluk kepada syarat penternakan yang ketat.

Selangor benarkan ladang babi hanya di Tanjong Sepat

Penetapan baharu bermula tahun ini permudah usaha penyelarasan dan kawal penyakit

Oleh Norzamia Che Noh
bhnnews@bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan Selangor menetapkan mulai tahun ini pen- ternakan babi hanya dibenarkan beroperasi di Ladang Tumbuk, Tanjong Sepat, Kuala Langat.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Ir Izham Hashim, berkata langkah itu bagi memu- dahkan penyelarasan dan titik kawalan penyakit antaranya de- mam babi Afrika (ASF).

Bellau berkata, keputusan hasil perbincangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) kelma-

rin dibuat bagi tempoh tiga tahun sebelum semua ladang babi akan berpindah ke Bukit Tagar, Hulu Selangor.

Katanya, penetapan baharu ini membabitkan 112 ladang dan pe- ngusaha diminta membuat pemba- haruan lesen mengikut Enakmen Pengawalan Penternakan Babi 1961 secepat mungkin.

"Ini juga adalah usaha keterja- minan makanan untuk penduduk bukan Islam, selain langkah ini dapat menjaga keharmonian masyarakat serta mengelakkan berlakunya pencemaran alam sekitar."

"Antara syarat utama permo- honan lesen ini, pengusaha perlu pastikan ladang ternakan berkon- sep tertutup, sistem pengurusan sisa zero discharge dan mempu- nyai kawasan zon mampan (buffer zone)," katanya pada sidang media semalam.

Minta pindah ternakan

Izham berkata, setakat ini keba- nyakan penternak babi memang menjalankan operasi di Ladang



Izham pada sidang media mengenai isu ternakan babi di Sepang dan Kuala Langat di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Shah Alam, semalam. (FOTO BERNAMA)

Tumbuk, manakala hanya tiga la- dang di Sungai Belantan, Sepang. "Sehubungan itu pengusaha diminta memindahkan ternakan ke kawasan terbabit. Permohonan

sudah boleh dibuat. Proses kelu- san dijangka selesai dalam tempoh sebulan termasuk penyelesaian isu teknikal, penternakan dan ka- wasan," katanya.

Mengulas berkenaan pusat ter- nakan babi moden di Bukit Tagar, Izham berkata, ia dijangka berope- rasi pada 2030 berikutan berdepan beberapa isu termasuk pengambi- lan tanah.

Bellau berkata, ladang berpusat di kawasan seluas 202 hektar itu adalah langkah jangka panjang kerajaan negeri dalam hala tuju ternakan babi.

"Jadi ini mengambil sedikit masa untuk kita selesaikan isu teknologi dan pelabur tetapi kita boleh dikatakan sebahagian dari- pada proses telah kita capai."

"Kawasan Bukit Tagar dilihat bersesuaian menjadi lokasi ter- nakan haiwan ini adalah kerana jauh dari kawasan penempatan penduduk serta berdekatan de- ngan kawasan pelupusan sampah."

"Pelaksanaan kaedah ternakan di kawasan itu juga menekankan syarat utama seperti penternakan babi di Tanjong Sepat iaitu ladang tertutup, sistem pengurusan sisa zero discharge dan mempunyai ka- wasan zon mampan (buffer zone)," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Price of durian kopi remains firm amid seasonal glut

WHILE prices of premium durian varieties such as Musang King and Black Thorn have plunged sharply, a wild durian known as durian kopi has remained unaffected, *Kosmo!* reported.

Currently, the durian, found only in Kampung Damak, Jerantut, Pahang, sells for about RM25 per kilo.

Zulkifly Mahmud, 59, who sells durian kopi, said the price has remained stable due to exceptionally high demand from the public.

"The fruit has a unique taste

unlike any other, with hints of coffee, making it highly sought after by durian lovers.

"Many durian enthusiasts are willing to travel here to taste it and to look for seedlings of the tree," he said, adding that the durian tree was planted by his late father about 40 years ago.

According to him, the tree has so far borne fruit three times a year, producing around 100 fruits each time.

> Residents of Pantai Bisikan Bayu, Kampung Dalam Rhu and

Pachakan in Semerak, Kelantan, are urging authorities to construct a breakwater to address ongoing coastal erosion, *Sinar Harian* reported.

Mat Hassan Mat Ali, 64, who runs a business selling fish crackers, said it is possible that the shop where he makes his crackers, which he has been operating for the past five years, could be destroyed by strong waves.

"We hope that a 1km-long breakwater can be built to prevent further damage and losses.

"The erosion now has wiped out our drying areas for crackers and fish, forcing us to move them to another location," he said.

Pantai Bisikan Bayu resident Muhammad Luqman Mohd Noor, 31, said the house he had lived in for nearly a decade, collapsed last November during the king tide phenomenon.

"At the very least, a breakwater can slow down the erosion which is already affecting the beauty of the beach and the residents' homes," he said.